

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : LOKAL

350 doktor luah masalah depan Menteri Kesihatan

Putrajaya: Isu doktor pelatih, kriteria pemilihan doktor untuk jawatan tetap dan pemerksaan fasiliti hospital antara yang diluahkan oleh kira-kira 350 doktor kepada Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa dalam sesi dialog, kelmarin.

Pada sesi dialog lebih dua jam itu yang turut dihadiri Timbalan Menteri Kesihatan Lukanisman Awang Sauni serta Presiden Peratuan Perubatan Malaysia Dr R Muruga Raj, para doktor berkenaan mengambil peluang meluahkan permasalahan mereka secara langsung kepada Dr Zaliha.

Dr B Abirami dari Hospital Shah Alam ketika ditemui selepas sesi berkenaan berkata perbincangan bukan sahaja menyentuh



Perbincangan bukan sahaja menyentuh mengenai isu doktor kontrak, malah bagi perjawatan tetap

Dr Abirami

mengenai isu doktor kontrak, malah bagi perjawatan tetap contohnya masalah yang dihadapi sesetengah doktor pakar.

"Apa juga perkara yang kami tanyakan sama ada mengenai doktor kontrak atau fasiliti KKM, kami di-

beritahu bahawa ia bergantung kepada belanjawan yang akan dibentangkan Jumaat ini. Kami berharap ia merupakan belanjawan yang baik untuk sektor kesihatan," katanya.

Dr Nurul Qashira Mohd Izlan yang merupakan dok-



Kami difahamkan segala isu berbangkit bagaimanapun bergantung kepada belanjawan yang akan diumumkan kelak

Dr Nurul Qashira

tor pelatih di Hospital Kuala Lumpur berkata, Dr Zaliha memberi jaminan kriteria bagi mengisi perjawatan tetap akan diperhalusi.

"Beliau mahu menjadikannya lebih telus dan mereka sedang berusaha ke arah itu. Kami difahamkan

segala isu berbangkit bergantung kepada belanjawan yang akan diumumkan kelak," katanya.

Dr Mohamad Firdaus Omar dari Hospital Melaka yang merupakan doktor tetap pula berkata isu buli dalam kalangan doktor tu-

rut diutarakan dan Dr Zaliha memberi jaminan bahawa isu tersebut merupakan antara permasalahan yang akan diselesaikan dengan kadar segera.

Sementara itu, menurut kenyataan pejabat Menteri Kesihatan yang dikeluarkan selepas sesi berkenaan, Dr Zaliha menghargai dan menghormati pandangan serta maklum balas yang diperoleh dan berdasarkan semua cadangan tersebut, beliau akan berusaha menangani isu sama ada dari segi polisi atau teknikal yang melibatkan KKM.

Menurut kenyataan itu, Dr Zaliha turut memberi jaminan tiada doktor yang hadir ke sesi berkenaan akan dikenakan tindakan tatatertib.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 23

RUANGAN : NASIONAL

Tiada doktor dikenakan tindakan tatatertib

Sesi *townhall* KKM dihadiri kira-kira 350 doktor terdiri daripada pegawai perubatan kerajaan

Oleh NAZRIN ZULKAFI
SHAH ALAM

Tiada doktor yang akan dikenakan tindakan tata-tertib setelah menghadiri sesi *townhall* yang diadakan di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Putrajaya pada Rabu.

Menurut kenyataan KKM, seramai kira-kira 350 orang doktor yang terdiri daripada pegawai perubatan kerajaan menghadiri sesi *townhall* bersama Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa.

"Sesi *townhall* yang dianjurkan bersama Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) itu bertujuan bagi mendapatkan pandangan, maklum balas dan cadangan daripada anggota perubatan berhubung pelbagai perkara.

"Sesi ini hanya dihadiri oleh Menteri Kesihatan, Timbalan Menteri Kesihatan,



DR ZALIHA

Sebahagian doktor yang menghadiri Sesi *Townhall* bersama Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Putrajaya pada Rabu.

Lukanisman Awang Sauni, serta para pegawai dari pejabat masing-masing," jelasnya.

Tambah kenyataan itu lagi, pelbagai isu dibangkitkan dalam sesi tersebut antaranya berkaitan doktor kontrak, penambahbaikan fasiliti kesihatan awam, kekurangan doktor di Jabatan Kecemasan, penambahbaikan laluan kerjaya pegawai perubatan dan isu-isu teknikal lain.

Tambah KKM, Dr Zaliha sangat meng-

hargai dan menghormati pandangan, maklum balas dan cadangan yang diberi sepanjang perjumpaan selama lebih dua jam itu.

"Dengan semua cadangan dan maklum balas yang diperoleh, beliau (Dr Zaliha) akan berusaha menangani isu-isu berkenaan sama ada dari segi polisi atau teknikal yang melibatkan KKM.

"Beliau juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada para pegawai perubatan yang hadir dan memberi komitmen," kata KKM.



FOTO: BERNAMA